



DISEMBER 2018 VOL 13 | RABI'UL AKHIR 1440

Prinsip Dalam Rekabentuk (Design Principle)

Terdapat 14 prinsip dalam rekabentuk kesemuanya. Namun, untuk buletin kali ini hanya menekankan prinsip yang penting dan asas sahaja untuk menghasilkan sebuah poster.

1. Hierarki Visual (Visual Hierarchy)

- Tugas utama reka bentuk grafik adalah untuk mewujudkan hierarki visual yang kuat dan konsisten di mana unsur-unsur penting ditekankan dan kandungan diatur secara logik dan mudah untuk diramalkan dan difahami.
- Susun atur unsur-unsur visual dalam sebuah reka bentuk memainkan peranan penting untuk menghasilkan titik fokus berdasarkan kepentingan mereka dalam mesej yang akan disampaikan.
- Dalam sesebuah karya atau promosi, adalah amat penting untuk mencipta hubungan hierarki yang bermakna antara baris utama (tajuk utama) dan visual yang mana ianya memerlukan imbalan secara halus. Perekahar harus mempertimbangkan:
 - Format
 - Skala (hubungan saiz antara jenis font dan imej)
 - Berat teks (Weight of type)
 - Saiz semua jenis font, termasuk garisan dan keseluruhan teks.
 - Susunan
 - Warna dan prinsip

2. Perpaduan dan Pelbagai (Unity and Variety)

- Semua bahagian adalah berkaitan dengan satu idea atau tema.
- Perpaduan adalah perasaan bahawa semuanya bersatu bersama. Ia adalah perasaan kesatuan. Kata lawan bagi perpaduan ialah perpecahan, di mana menunjukkan satu perasaan berbentuk gangguan.
- Dalam seni, perpaduan sering dicapai dengan pengulangan bentuk, warna atau elemen visual lain. Kaedah lain adalah kesederhanaan. Kesederhanaan adalah penggunaan satu warna utama, jenis bentuk atau elemen untuk menyatakan karya.
- Penggunaan dua atau lebih elemen (kepelbagaian) reka bentuk yang berbeza selalunya digunakan untuk menarik perhatian pembaca atau audiens.
- Kepelbagaian kerap dikatakan sebagai perisa kehidupan. Dalam seni, kepelbagaian adalah seperti rempah. Penggunaan elemen yang sama dalam satu karya mungkin akan membosankan jika ia tidak mempunyai variasi. Kepelbagaian adalah penggunaan elemen yang berbeza untuk membuat sesuatu yang menarik.
- Manakala jika digabungkan perpaduan dan kepelbagaian, sedikit perbezaan mungkin dalam bentuk yang halus, seperti perubahan tekstur atau sedikit warna di beberapa bahagian dalam karya kita. Dan ia juga mungkin lebih jelas, seperti perbezaan yang ketara dalam penggunaan elemen, saiz bentuk, warna atau pencahayaan. Sama seperti kita menghayati perpaduan dan kepelbagaian dalam kehidupan kita, begitulah juga kita mahukan dalam seni atau karya kita.

3. Rentak (Rhythm)

- Rentak dalam reka bentuk juga dipanggil pengulangan. Pengulangan membolehkan reka bentuk anda membangunkan konsistensi dalaman yang memudahkan audiens atau pembaca memahami karya anda. Sebaik sahaja otak mengenali corak dalam rentak atau pengulangan, ia mampu untuk merehatkan minda pembaca dan yang paling penting keseluruhan reka bentuk mudah difahami.
- Teknik pengulangan jarang berlaku dengan sendirinya dan oleh itu ia mendorong rasa teruja pada reka bentuk. Dan kerana pengulangan ini menarik perhatian maka ianya secara tidak langsung membuatkan pembaca atau audiens merasa ingin tahu lebih lanjut apakah mesej yang ingin disampaikan dalam sesebuah rekabentuk.

Sumber tulisan: Creative Advertising Design (Ads Notes)
MA Reza, Pensyarah Fakulti Informasi dan Teknologi Maklumat,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

LOKASI TASTI MALAYSIA 2018



Riwayat al-Bayhaqi melalui Sayyidatina 'Aisyah r.a;

**"Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:
Sesungguhnya Allah menyukai sekiranya seseorang melakukan sesuatu pekerjaan dengan Itqaan dan bersungguh-sungguh (sempurna)".**

SIDANG REDAKSI

SHU | AISHASOLEHA | UMMU ATHIRAH

EDITORS

NURUL AISYAH | SIMPLE - SHIDA

jitm.dmpm@pas.org.my

[Dewan Muslimat PAS Malaysia](#)

[@muslimatpas](#)

[@twitDMPM](#)

